

Aset PNB tak dijual untuk bayar hutang

Kuala Lumpur: Penjualan aset kerajaan untuk membayar hutang tidak akan memabitkan aset dalam pengurusan Permodalan Nasional Bhd (PNB), kata Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Tony Pua.

“Saya mahu membuat penjelasan dan pembetulan kepada kenyataan saya di atas bahawa sebarang penjualan aset tidak akan melibatkan PNB.

“Ini kerana PNB ialah entiti yang diperbadankan dan diuruskan kerajaan. Dana dan pelaburan PNB adalah milik pemegang unit dan bukannya milik kerajaan,” katanya dipetik *BERNAMA*.

Kenyataan Pua semalam bagi menjelaskan kenyataannya sebelum ini mengenai Khazanah Nasional Bhd dan PNB perlu menyemak semula serta melepaskan aset bukan strategik sebagai sebahagian daripada langkah kerajaan mengurangkan kos.

Ahli Parlimen Damansara itu membuat kenyataan sedemikian ketika menjadi panel dalam sesi perbincangan sempena persidangan pelaburan *Malaysia: A New Dawn*, pada 9 Oktober lalu.

Pua dipetik sebagai berkata, Khazanah sebagai salah satu pihak berkepentingan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) utama, serta PNB akan mengkaji semula pegangan mereka.

Menurut Pua, Kementerian Kewangan juga akan melihat kepada pegangan bukan teras termasuk aset bukan strategik bagi membolehkan kerajaan meneroka nilai penuh mereka.

BERNAMA